

BULAN BAHASA KEBANGSAAN (BBK) 2017

BBK merupakan salah satu program tahunan negara bagi memperkasakan bahasa kebangsaan. DBP yang ditubuhkan bertujuan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan program ini bersama-sama dengan kerajaan negeri, semua kementerian dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

BBK merupakan suatu gerakan besar-besaran di seluruh negara yang melibatkan semua lapisan masyarakat dengan mengadakan kegiatan bahasa dan sastera kebangsaan. Bagi memastikan pelaksanaan BBK 2017 ini memberi impak yang berkesan, program yang dirancang perlulah berfokus dan bukan rutin DBP.

Maka pada tahun ini, buat pertama kalinya DBP mengadakan program khusus untuk rakan media dari seluruh Malaysia tidak kira daripada media cetak, elektronik dan dalam talian untuk bersama-sama memeriahkan dan menjayakan BBK 2017. Menerusi Eksplorasi Bahasa (Media), DBP yakin dan percaya sedikit banyak akan terus memperteguh kepentingan bahasa dan sastera dalam kalangan rakan wartawan yang berperanan penting sebagai agen penyampai berita dan maklumat yang diyakini dan dipercayai.

ATUR CARA

EKSPLORASI BAHASA (MEDIA) BULAN BAHASA KEBANGSAAN (BBK) 2017

- | | |
|-------------------|---------------------------------------------------------------------------|
| 8.00 Pagi | : Peserta Berkumpul di Bangunan Lama, DBP.
: Sarapan Pagi |
| 8.15 Pagi | : Taklimat Eksplorasi Bahasa (Media) BBK 2017 |
| 8.30 Pagi | : Perlumbaan Bermula |
| 12.30 Tengah Hari | : Perlumbaan Tamat
: Kehadiran Tetamu Undangan
: Penyampaian Hadiah |
| 1.30 Tengah Hari | : Makan Tengah Hari
: Bersurai |